

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Wednesday, November 29, 2017 12:24 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Petani Dinobatkan Penerima Anugerah UECSB, CGPA 3.92 – Turut Mahir Bertukang Dan Masak Satay



Unit Komunikasi Korporat  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
Universiti Utara Malaysia



29 NOVEMBER 2017 / 10 RABIULAWAL 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)  
Oleh: Siti Fatimah Abdullah

### PETANI DINOBATKAN PENERIMA ANUGERAH UECSB, CGPA 3.92 – TURUT MAHIR BERTUKANG DAN MASAK SATAY



**UUM ONLINE:** Seorang usahawantani meraih keputusan cemerlang dengan CGPA 3.92 sekali gus dinobatkan sebagai Penerima Anugerah UECSB, pada Majlis Konvokesyen ke-30 universiti Utara Malaysia.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Mohammad Fazli Yasri, 34 menyimpan impian menjadi usahawantani berpendidikan tinggi bagi memberi inspirasi kepada anak muda menceburi bidang pertanian sebagai satu kerjaya.

mendapat bimbingan kursus dari Jabatan Pertanian di Titi Gantung Perak optimis bahawa bidang pertanian menjanjikan masa depan yang cerah dan menjana pendapatan lumayan sekiranya disusuli dengan ilmu dan kerajinan.

“Bertani memberikan satu kepuasan kepada saya kerana ianya menjadi satu terapi minda setelah otak penat bekerja manakala bertukang pula banyak memberi ruang untuk membina kreativiti.

“Selain itu saya juga menjalankan perniagaan sate secara sambilan menggunakan resepi daripada legasi keluarga,” luahnya.

Kini, bapa kepada 3 cahaya mata ini sedang gigih mengusahakan tanaman jagung manis seluas 1.5 hektar di kompleks Pertanian Titi Gantung, Perak di bawah program Inkubator Usahawan Belia Tani di samping mengusahakan tanaman cili kulai, rock melon dan terung bersama empat rakan yang lain.

“Sesetengah graduan menganggap pertanian merupakan satu bidang yang bergelumang dengan kekotoran dan tiada standard serta hanya diusahakan oleh golongan yang tidak berpendidikan tinggi, memang leceh kalau tidak ada minat, tetapi bila kita bertani sebenarnya peluang lebih luas untuk menjana pendapatan lebih tinggi.

“Kalau kita gembira dengan keuntungan jangan pula sedih bila hasil tanaman tidak menjadi disebabkan serangan serangga atau masalah penyakit kerana itulah cabaran dalam dunia pertanian,” ujarnya.

Berasal dari Kampung Sungai Buah, Selangor, beliau menyambung pelajaran di Pusat Matrikulasi UIA dalam jurusan Undang-Undang dan kemudian melanjutkan pelajaran di Universiti Kuala Lumpur dalam bidang Aircraft Maintenance Technology.

Hajat untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda terpaksa ditangguhkan untuk memberi tumpuan kepada keluarga dan adik-adik yang masih bersekolah namun cita-cita untuk melanjutkan pengajian tidak pernah padam.

Rezeki buatnya pada 2013 apabila melanjutkan pelajaran menerusi Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di Pusat Pendidikan Profesional Dan Lanjutan, Universiti Utara Malaysia (PACE UUM) mengikuti kelas berulang-alik dari Perlis ke UUM.

Melanjutkan pelajaran pada usia yang agak lewat ditambah dengan komitmen kerja dan keluarga bukanlah satu perkara yang mudah mujurlah isteri, Rabiatal Adawiah Ramli, 34 sentiasa membakar semangat untuk meneruskan pengajian ini.

“Saya pernah ditanya mengapa sambung belajar sedangkan tiada apa-apa kenaikan pangkat jika berjaya sekalipun, sebenarnya.. inilah cita-cita saya, saya belajar bukan semata-mata untuk kerja tetapi sebagai inspirasi kepada anak-anak saya agar lebih berjaya di masa hadapan.

“Saya mahu mereka melihat ilmu sebagai sesuatu yang sangat penting bagi meningkatkan martabat diri mereka malah jauh di sudut hati saya bertekad untuk buat ibu bapa bangga dengan pencapaian anak-anak,” luahnya.

Bergelar pelajar PJJ amat mencabar yang mana memerlukan semangat juang yang tinggi, disiplin, bijak mengatur masa, tidak putus asa, kerjasama, bijak membuat keputusan namun percaya inilah harga yang perlu dibayar untuk menggapai impian.

Pernah berdepan detik sukar sehingga terpaksa menanggukkan peperiksaan demi memberi perhatian kepada isteri yang bakal melahirkan anak selain bergelut dengan masalah kewangan bagi menjelaskan yuran pengajian yang ditanggung sendiri.

“Banyak lagi ujian yang ditempuhi sepanjang pengajian, apa yang penting bagaimana sikap kita apabila berdepan dengan ujian tersebut, tidak kira berapa kali pun kita jatuh, jangan sesekali menyerah kalah, angkit dan teruskan perjalanan,” pesannya.

“Belajar perlu ada sistem dan saya gemar menggunakan peta minda yang direka secara ringkas dan mudah faham malah nota ini juga dikongsikan dengan rakan-rakan yang lain sebagai salah satu cara membantu mereka yang sibuk dengan komitmen kerja,” ujarinya berkongsi petua kejayaan.

Tambahnya, bukan semua orang dilahirkan bijak, jangan sesekali ketepikan kawan yang lemah kerana mungkin Allah sedang menguji kita dan apabila kita mudahkan urusan orang lain Allah akan mudahkan urusan kita saat dalam kesempitan.

“Berdoalah untuk kejayaan kawan kita kerana setiap kali anda berdoa ‘senyap-senyap’ untuk orang lain malaikat akan pulangkan doa tersebut kepada kita pastinya doa para malaikat tiada hijab.

“Terima kasih kepada mak ayah, isteri tercinta, keluarga, sahabat dan para pensyarah yang membantu dalam perjuangan ini dan saya akan terus mengejar impian ke peringkat PhD suatu hari nanti,” tekadnya.

Justeru tambahanya, PACE memberi peluang kepada pelajar dewasa mengikuti pengajian tinggi sehingga ke peringkat ijazah dengan kaedah pembelajaran fleksibel melibatkan kuliah pada hujung minggu yang dibimbing oleh pensyarah yang pakar.

“Saya memilih UUM kerana telah berjaya melahirkan ramai graduan berkualiti selain dilengkapi kemudahan yang kondusif, sistem pembelajaran yang efisien dan pengurusan pembelajaran yang efektif.

**DARIPADA:**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061  
☎ 04-928 3053  
✉ ukkuum@uum.edu.my  
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.